

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL**  
**ANUAR BIN WAN AHMAD**  
**[ KUALA KANGSAR]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kadar pertumbuhan permintaan dalam negeri di Malaysia bermula Januari 2015 hingga terkini, berbanding statistik pada tahun 2014 pada tempoh yang sama.

**JAWAPAN: Y.B SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Ekonomi Malaysia telah berkembang 5.3% pada separuh pertama 2015 berbanding 6.4% dalam tempoh yang sama pada tahun 2014. Secara keseluruhan, pertumbuhan disokong oleh **penggunaan swasta** yang meningkat pada kadar 7.6% berbanding 6.7% pada tempoh yang sama tahun lepas, kesan daripada perbelanjaan penggunaan yang dibawa ke hadapan sebelum pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST), terutama dalam makanan dan minuman, komunikasi dan pengangkutan. Prestasi ini turut didorong oleh keadaan guna tenaga yang stabil dan pertumbuhan upah yang lebih tinggi pada awal tahun 2015. Sementara itu, **penggunaan awam** tumbuh lebih tinggi pada kadar 5.5% berbanding 3.6% pada separuh pertama 2014, berikutan peningkatan perbelanjaan dalam bekalan dan perkhidmatan serta pertumbuhan mampan dalam emolumen.

**Pelaburan swasta** pula mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan pada kadar 7.5% berbanding 8.7% pada tempoh yang sama 2014, akibat penyusutan perbelanjaan ke atas jentera dan peralatan, terutamanya bagi segmen pengangkutan. Namun, penyusutan tersebut telah diimbangi oleh perbelanjaan modal yang tinggi dalam sektor perkilangan berorientasikan eksport dan perkhidmatan berkaitan telekomunikasi dan pengangkutan. **Pelaburan awam** tumbuh kepada -3.7% berbanding -4.8% pada separuh pertama 2014

kesan daripada beberapa projek pelaburan oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) yang berada pada fasa hampir selesai. Pertumbuhan bagi sektor luaran pada separuh pertama 2015 telah merosot sebanyak -2.2% berbanding 8.3% bagi tempoh yang sama 2014 bagi **eksport** dan -0.9% berbanding 6.1% pada 2014 bagi **import** akibat penyusutan harga komoditi, terutama minyak mentah dan gas asli cecair.

Sekian. Terima kasih.